

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 18 Mac 2021 3:21 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar SELECT Dijemput Sebagai Panelis Program Darah Muda Terbitan Bernama TV



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 MAC 2021 / 4 SYAABAN 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar ihsan Mohamad Amri Azmi dan UUM SELECT

PELAJAR SELECT DIJEMPUT SEBAGAI PANELIS PROGRAM DARAH MUDA TERBITAN BERNAMA TV



UUM ONLINE: Pelajar Tahun Tiga dari Pasukan Debat Bahasa Melayu, Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (UUM SELECT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Mohamad Amri Azmi telah dijemput sebagai ahli panel secara dalam talian menerusi program wawancara Darah Muda terbitan Bernama TV pada 10 Mac lalu.

Program yang disiarkan secara langsung selama 30 minit itu mengupas topik 'Pemeriksaan Insentif Belia'.

Dalam wawancara tersebut, Amri yang merupakan pelajar Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) telah menjawab persoalan berkaitan insentif kepada mahasiswa yang tidak diberi penekanan secara khusus kecuali di dalam PERMAI dan Belanjawan 2021.

"Sebenarnya ada beberapa tawaran melalui insentif Belanjawan 2021 dan PERMAI yang disebutkan secara umum dan golongan mahasiswa serta belia juga tidak terkecuali antaranya Program Penaja Kerjaya, program latihan bantuan penjualan dan peralatan digital di bawah kempen E-Dagang PKS dan PKS mikro," kata Amri menjawab persoalan hos Darah Muda, Irfan Faruqi.

Amri turut menyangkal dakwaan bahawa mahasiswa tidak memanfaatkan tawaran insentif oleh pihak kerajaan.

Menurutnya, sebagai mahasiswa tidak boleh pukul rata untuk mengatakan bahawa semua mahasiswa tidak memanfaatkan tawaran insentif oleh pihak kerajaan.

"Contohnya, rata-rata golongan mahasiswa cakna berkenaan dengan pelbagai tawaran insentif yang diberikan oleh kerajaan seperti bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM200, kredit e-wallet dan sebagainya.

"Justeru, berkenaan dengan pernyataan tersebut sama sekali tidak benar," kata Amri.

Selain Amri, program itu turut disertai seorang lagi tetamu jemputan di studio iaitu Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian Ekonomi dan Keusahawanan merangkap Exco Majlis Belia Malaysia, Dato' Syed Osman Mohamed.

Penampilan sulung Amri adalah sebahagian Media Appearance Project (M.A.P) di bawah strategi UUM SELECT 2021.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.